

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 02 JUN 2016

Shah Alam *11/2016*

**Program
harga pekerja
hadir awal**

Demi memupuk budaya kerja berprestasi tinggi, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperkenalkan kempen Terima Kasih Datang Awal yang dilaksanakan bermula semalam.

Kempen itu dijalankan dengan menghargai warga kerja yang hadir seawal jam 7.30 pagi ke pejabat dengan disambut sendiri oleh Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Menurut Ahmad Zaharin, ia antara pengisian aktiviti di bawah Program Pembangunan Modal Insan (PPMD) MBSA yang bertujuan memperkasakan pencapaian, kejayaan dan pengiktirafan yang diperolehi.

"Melalui pendekatan ini, kita dapat membentuk warga kerja MBSA yang berdisiplin, komited dan sentiasa mematuhi peraturan kerja," katanya.